

UMSKAL jalin kerjasama dengan Universiti Wolverhampton

NST 1.11.2013 5

LABUAN :Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan mengadakan kerjasama dengan Universiti Wolverhampton, United Kingdom pada masa akan datang.

Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, berkata kerjasama itu akan membabitkan pensyarah dan pelajar kedua-dua universiti terutama dari Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Katanya, kemahiran dan kepakaran pensyarah kedua-dua universiti akan dikerah bagi memastikan **hasrat** meningkatkan bidang akademik keperingkat lebih tinggi akan tercapai.

Beliau berharap pensyarah UMSKAL akan mengambil ruang dan peluang yang terhidang ini untuk meningkatkan kerjaya mereka serta mengharumkan nama universiti ke persada antara bangsa.

"Pelbagai bidang kita bincangkan bagi menjalin kerjasama erat antara kedua-dua universiti. Ini merupakan peluang terbaik kepada UMSKAL untuk meneroka bidang pendidikan di peringkat antarabangsa," katanya selepas mengadakan perbincangan dengan Timbalan Naib Canselor, Universiti Wolverhampton, Prof Ian Orkes dan Pengarah Pejabat Antarabangsa university berkenaan, Jo Gittens di Bilik Mesyuarat Seminar UMSKAL, kelmarin.

Hadir sama, Timbalan-timbalan Dekan SSIL, Dr Zamhar Ismail dan Ryan Andrias serta Timbalan Dekan SPKAL, Rushdan Yasoa.

Antara perkara yang dibincangkan termasuk pengurusan program industry minyak dan gas, mobility pelajar dan staf, penyelidikan bersama, penyeliaan Phd bersama UMS dan UW serta Kewangan Islam untuk membangunkan program di bawah Universiti Wolverhampton dengan bantuan SPKAL. - OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainuddin@newsabahtimes.com.my)



CENDERAHATI... Dr Geoffrey menyampaikan cenderamata kepada Ian selepas mengadakan perbincangan dua hala antara kedua-dua universiti di UMS Labuan.